

P.U. (A) 208.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERINTAH UNIVERSITI DARUL IMAN MALAYSIA (PEMERBADANAN) 2006

BAHAWASANYA subseksyen 6(1) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] memperuntukkan bahawa jika Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa adalah suai manfaat demi kepentingan negara supaya suatu Universiti ditubuhkan, dia boleh dengan perintah menubuhkan Universiti itu mengikut subseksyen tersebut:

DAN BAHAWASANYA Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa suatu Universiti patut ditubuhkan:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN menurut kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 6(1) Akta itu, Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Universiti Darul Iman Malaysia (Pemerbadanan) 2006**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2006.

Pemerbadanan

2. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu institusi pengajian tinggi yang mempunyai taraf Universiti, sebagai suatu pertubuhan perbadanan, bagi maksud mengadakan, memajukan dan mengembangkan pengajian tinggi dalam bidang pengajian Islam, sains, sains kesihatan bersekutu, perubatan, sains makanan, pertanian, bioteknologi, teknologi maklumat dan komunikasi dan bidang pengajian lain yang perlu, serta juga mengadakan penyelidikan dan pengumpulan dan pemajuan pengetahuan, dan penyebaran pengetahuan dalam bidang pengajian itu.

(2) Institusi pengajian tinggi dalam subseksyen (1) hendaklah dikenali dengan nama dan gelaran “Universiti Darul Iman Malaysia”.

(3) Tapak Universiti Darul Iman Malaysia, tempat terletaknya Universiti itu, ialah di Lot PT 1885, Mukim Batu Buruk, Jalan Sultan Mahmud, 20400 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman.

Dibuat 19 April 2006
[KPT(PUU)S.021/013/017/001; PN(PU²)75/V]

Dengan Titah Perintah

DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED
Menteri Pengajian Tinggi

[Akan dibentangkan dalam kedua-dua Majlis Parlimen menurut subseksyen 6(2) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971]

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971**UNIVERSITI DARUL IMAN MALAYSIA (INCORPORATION) ORDER 2006**

WHEREAS subsection 6(1) of the Universities and University Colleges Act 1971 [*Act 30*] provides that if the Yang di-Pertuan Agong is satisfied that it is expedient in the national interest that a University should be established, he may by order establish the University in accordance with that subsection:

AND WHEREAS the Yang di-Pertuan Agong is satisfied that a University should be established:

NOW THEREFORE by virtue of the powers conferred upon him by subsection 6(1) of the Act, the Yang di-Pertuan Agong makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Universiti Darul Iman Malaysia (Incorporation) Order 2006**.

(2) This Order is deemed to have come into operation on 1 January 2006.

Incorporation

2. (1) There shall be established a higher educational institution having the status of a University, which shall be a body corporate, for the purpose of providing, promoting and developing higher education in the fields of Islamic studies, science, allied health sciences, medical, food science, agriculture, biotechnology, information and communication technology and other necessary fields of study, as well as to provide for research and the accumulation and advancement of knowledge and the dissemination of such knowledge in those fields of study.

(2) The higher educational institution in subsection (1) shall be known by the name and style of “Universiti Darul Iman Malaysia”.

(3) The site of the Universiti Darul Iman Malaysia, which shall be the seat of the University, is located at Lot PT 1885, Mukim of Batu Buruk, Jalan Sultan Mahmud, 20400 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman.

Made 19 April 2006
 [KPT(PUU)S.021/013/017/001; PN(PU²)75/V]

By Command

DATO' MUSTAPPA BIN MOHAMED
Minister of Higher Education

[To be laid before both Houses of Parliament pursuant to subsection 6(2) of the Universities and University Colleges Act 1971]

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
 PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
 CAWANGAN KUALA LUMPUR
 BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA